



خاستا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 16

RABU 18 APRIL, 1984.

1404 رابو 17 رجب

PERCUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. KURNIA WATIKAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Watikah Perlantikan bagi bakal Duta Besar Negara ini ke Republik Filipina, Sabtu lalu.

Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusoff, dilantik dalam satu Istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Beliau merupakan pegawai kanan yang ketujuh dilantik sebagai Duta Besar sejauh ini.

Sebelum dilantik memegang jawatan tersebut, beliau adalah bertugas sebagai Pegawai Daerah Tutong. Awang Ahmad mendapat pendidikan tertinggi dari Universiti Australia Barat dengan mendapat Ijazah Sastera tahun 1971. Selain dari itu beliau pernah mengikuti kursus pentadbiran di University of Manchester United Kingdom.

Gambar kiri: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei mengurniakan Watikah Perlantikan kepada Awang Ahmad.

Lawatan rasmi Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan mengadakan lawatan rasmi negara selama tiga hari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dijadualkan berangkat tiba pada hari Jumaat, 20 April.

SISTEM DWI BAHASA AKAN DI PERLUASKAN

GADONG. — Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan menyatakan sistem dwibahasa atau bi-lingual akan diperluaskan mulai sekarang, manakala peperiksaan memasuki ke sekolah Inggeris ditukar dengan peperiksaan biasa bagi faedah ujian penyelarasan.

Berpendukan sistem ini semua murid dalam sekolah Inggeris Kerajaan berpeluang meneruskan pelajaran dalam darjah yang bergantung pada hasil ujian penyelarasan serta tertakluk kepada syarat-syarat peraturan biasa.

Dalam hubungan ini kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, sebutan "Aliran Melayu" atau "Aliran Inggeris" tidaklah lagi digunakan bahkan ianya dikenali sebagai "Aliran dua bahasa atau dwibahasa" ataupun "Bi-Lingual".

Langkah sedemikian adalah perlu untuk memahami kegiatan ibu bapa yang mengharapkan anak-

Oleh: Ahat Ismail

anak mereka boleh bertutur bahasa Inggeris serta mempelajari mata-mata pelajaran bahasa tersebut, selain dari menguasai Bahasa Melayu, jelas Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Yang Berhormat berucap semasa merasmikan majlis taklimat Guru guru Besar dan Penolong-penolong Guru Besar di Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah Gadong baru-baru ini.

Sebahagian masyarakat jelas Yang Berhormat lagi, beranggapan pelajaran murid-murid dan pelajar-pelajar negara ini adalah terletak di pihak pentadbiran kerajaan yang pada pandangan mereka tidak berkeupayaan mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan.

"Anggapan yang seumpama ini pada hakikatnya tidak banyak menolong kesedaran masyarakat dan tidak banyak menolong kegigihan para pelajar untuk sama-sama memastikan penglibatan diri kita masing-masing serta memastikan kegigihan para pelajar dalam menghadapi pelajaran mereka," ujarnya.

Sebenarnya pihak Kerajaan telah berusaha mengadakan

berbagai rancangan untuk mengemaskan mutu pendidikan. Tetapi tegasnya, kaum pelajar dan sebahagian masyarakat sengahaja menumpukan kelemahan-kelemahan pencapaian pelajaran kepada Kerajaan yang mana anggapannya begitu banyak merugikan para pelajar dan masyarakat sendiri.

Yang Berhormat menekankan pencapaian pendidikan yang tinggi bukanlah bergantung setakat perancangan dan keupayaan kerajaan, malah kesedaran masyarakat dalam membantu suasana belajar adalah sangat-sangat diharapkan. Sehubungan dengan itu setiap keputusan peperiksaan terdapat keputusan yang tidak mencapai peringkat yang sepatutnya.

Lihat muka 24

Setem khas dijual 21 April

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam akan mengeluarkan satu set setem khas berserta dengan Sampul Surat Hari Pertama mengenai Sumber-sumber Kehutanan

Satu set setem berharga 10 sen, 50 sen, 75 sen dan \$1.00 akan dijual pada 21 April, 1984 di semua Pejabat Pos di negara ini.

Memucang-mucang

KAMPONG PELAMBAYAN. — Penduduk-penduduk Kampung Pelambayan, Dato Gandhi dan Kota Batu telah menjalankan satu kerja memucang-mucang di sekitar masjid baru Kampung Pelambayan pada hari Jumaat lepas.

Kerja yang disertai oleh lebih dari seratus orang itu adalah sebagai persiapan sempena pembukaan rasmi Masjid tersebut pada 20 April ini.

KEJAYAAN DALAM BIDANG PERTANIAN DAPAT DIKETENGAHKAN

Oleh: Zabaidah H.S.

SINAUT. — Dalam pembentukan konsep yang positif terhadap pertanian dan ternakan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui empat rancangan-rancangan lima tahun yang lalu telah dapat diketengahkan kejayaannya.

Katanya, dalam membina binaan ekonomi negara yang mana salah satunya ialah dengan mempercepat kemajuan pertanian dan perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengannya selama ini adalah dijadikan sebagai salah satu objektif rancangan-rancangan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Walaupun sebelum ini, pertanian dianggap sebagai suatu usaha yang tidak menjamin kehidupan, tegas Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup ketika merasmikan Pertunjukan Pertanian di Pusat Latihan Pertanian Sinaut di sini Ahad lepas.

Menurutnya, ke arah pencapaian objektif ini, salah satu strategi tidak putus-putus telah dibentuk dan dilaksanakan oleh Kerajaan dengan membuat pelaburan dalam projek-projek infrastruktur dan pelaburan dalam tenaga manusia seperti

Lihat muka 24

Main 'kikik' dilarang di kawasan-kawasan ini

"ADALAH dengan ini diingatkan semula kepada orang ramai berhubung dengan larangan bermain layang-layang atau kikik dalam lingkungan berdekatan Kawasan-Kawasan Laluan Penerbangan termasuk helikopter. Seperti diketahui permainan layang-layang itu adalah sangat membahayakan kepada penerbangan-

penerbangan kapal terbang dan helikopter.

Orang ramai terutamanya kanak-kanak adalah ditegah dari bermain layang-layang pada Kawasan-Kawasan berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Istana Darul Hana dan Istana Nurul Iman yang mana terutamanya termasuk Kawasan-Kawasan Kampung Ayer

yang berdekatan Kawasan-Kawasan dimaksudkan. Permainan layang-layang hendaklah tidak dilakukan dan dihentikan sama sekali di kawasan-kawasan itu.

Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung di kawasan yang terlibat adalah diminta memastikan atas larangan ini diikuti."

MANISNYA IMAN

"DAN perkataan Tuhanmu itu telah sempurna kebenaran dan keadilan-Nya, tidak ada yang dapat merubah perkataan-Nya itu. Dia Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui." — Makna ayat 115 Surah Al-An'am.



18 APRIL 1984

*Dengan nama Allah yang
pemerah dan maha penyayang*

BIRO MENCEGAH RASUAH: KERJASAMA DAN SOKONGAN TERHADAPNYA.

BIRO Mencegah Rasuah baru-baru ini telah menafikan dengan tegas sangkaan yang ianya cuma bertindak ke atas 'ikan bilis'. Pemangku Biro tersebut dalam satu kenyataan sebaliknya telah cuba meyakinkan bahawa pegawai-pegawai besar juga sedang diasias tetapi penyiasatan seumpama itu mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan bukti dan untuk dihadapkan ke mahkamah.

Sebenarnya orang ramai sangat menaruh minat kepada Biro tersebut. Semenjak ia ditubuhkan di bawah Kuatkuasa Perintah Darurat dengan kedudukannya sebagai jabatan yang tersendiri yang langsung di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (dan dalam susunan baharu pentadbiran sekarang ia diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri) Biro Mencegah Rasuah bolehlah dikatakan telah menempati kedudukannya yang penting sesuai dengan tujuan penubuhannya. Minat orang ramai itu adalah sebahagian tanda perhatian baik serta sokongan rakyat terhadap usaha-usaha bukan sahaja mencegah rasuah bahkan untuk menghapuskan amalan tersebut.

Kerana itu apabila hampir keseluruhan kes-kes yang berjaya dihadapkan ke Mahkamah di katakan sekadar melibatkan pegawai-pegawai rendah atau yang diistilahkan sebagai 'ikan-ikan bilis' maka tidak bererti yang Biro tersebut cuma memberi perhatian kepada kes-kes kecil. Sekadarkan kes-kes kecil itu tidaklah begitu sukar penyiasatannya berbanding dengan kes-kes besar yang sententunya bukan sahaja berkehendakkan masa yang panjang untuk mendapatkan bukti bahkan yang lebih penting juga ialah kecekapan serta pengalaman yang rapi lagi teliti. Bagaimanapun kedua-duanya iaitu kes besar atau kes kecil adalah sama kepentingannya dari segi usaha pencegahan rasuah. Dan dalam setengah-setengah perkiraan mungkin kes-kes kecil itu lebih ketara dan kesan amalnya langsung diterima oleh orang ramai di peringkat bawahannya maka usaha mencegahnya tidaklah patut diperkecilkan.

Pada umumnya Biro berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menyiasat setiap kes sama ada kecil ataupun besar. Dalam hubungan

itu ia bukan sahaja bergantung kepada pegawai-pegawainya bahkan berharap juga kepada kerjasama dan sokongan orang ramai. Jika orang ramai memberi lebih banyak maklumat tentang kegiatan rasuah atau orang-orang yang memberi dan menerima rasuah maka hal itu akan memudahkan penyiasatan.

Akan tetapi ada dua perkara yang patut di perhatikan mengenai kerjasama orang ramai memberi maklumat. Pertama kesanggupan mereka untuk bersusah payah menolong sebarang penyiasatan lanjut. Kedua sejauh mana pula maklumat yang diberikan mempunyai asas-asas atau sekadar sangkaan-sangkaan. Mengenai yang pertama itu iaitu kesanggupan bersusah payah nampaknya sudah menjadi semacam sikap di kalangan orang ramai tidak mahu terlibat sehingga 'turun naik' tangga pejabat yang berkenaan untuk memberikan kerjasama dalam penyiasatan satu-satu kes. Bahkan ada semacam perasaan yang apabila seseorang itu sudah terfikir untuk memberikan penerangan dalam penyiasatan seolah-olah pula ianya sedang diasias dalam satu-satu kes rasuah. Lalu sangkaan seumpama inilah yang menjadikan orang ramai serba salah untuk berkerjasama.

Oleh yang demikian kita percaya Biro Mencegah Rasuah perlu pula memberi perhatian untuk mengubah sikap orang ramai. Kita percaya Biro berkenaan sentiasa berhati-hati dalam kerja-kerjanya yang penuh kerahsiaan itu. Perubahan sikap orang ramai yang kita maksudkan ialah bagi memastikan sokongan mereka kepada usaha-usaha mencegah serta

menghapuskan rasuah di negara ini akan diikuti dengan kesanggupan mereka tampil secara terhormat memberikan bantuan kepada Biro secara jujur dan betul. Dalam usaha itu tentulah Biro tersebut menggunakan segala kebijaksanaan yang boleh menghindarkan syak wasangka bukan sahaja di kalangan orang-orang sepatutnya tampil memberi maklumat bahkan juga di kalangan orang ramai umumnya bahawa kerja-kerja pencegahan rasuah adalah dilakukan dengan penuh tanggungjawab yang tidak akan mencemarkan nama baik sesiapa.

Selain daripada itu orang ramai perlu pula menimbangkan bahawa Biro Mencegah Rasuah adalah masih dalam usia yang muda. Tugas para penyiasat di dalamnya boleh dikatakan sesuatu yang baru bagi pengalaman Brunei pada keseluruhannya. Akan tetapi dalam usia yang muda itu kita telah melihat Biro tersebut telah berhasil meletakkan asas-asas pencegahan rasuah di negara ini menurut Undang-undang. Bagaimanapun pencegahan rasuah sepenuhnya tentulah tidak semata-mata bergantung kepada Biro berkenaan bahkan mestilah juga disertai dengan kezamaman kita semua untuk menjadikan negara kita Brunei Darussalam dikenali sebagai negara yang bersih dari amalan rasuah.

Ke arah kezamaman tersebut itulah kita sepatutnya memberi perhatian yang jujur kepada tugas Biro Mencegah Rasuah yang ditubuhkan antaranya bagi memenuhi hajat orang ramai supaya Kerajaan bertindak ke atas amalan rasuah.

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam yang telah membawa ajaran mewajibkan kita menuntut ilmu pengetahuan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei kerana menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan taklimat yang berlangsung pada hari ini.

Saya berharap mudah-mudahan taklimat seperti ini akan mencapai matlamatnya, istimewa pada mengulang-kaji dan menghuraikan langkah-langkah Jabatan Pelajaran yang dari semasa ke semasa memikirkan, merancang dan membuat pelaksanaan di bidang pendidikan bagi faedah semata-mata pada memastikan bahawa bidang pelajaran di negara ini sentiasa berkembang maju.

Bersempena dengan taklimat guru-guru besar ini dan semata-mata pada menjunjung titah

SISTEM DWI BAHASA KEMASKAN MUTU PELAJARAN

BERIKUT ialah ucapan Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz semasa memberikan taklimat kepada Guru-Guru Besar Jabatan Pelajaran mengenai dengan Sistem Pelajaran Dwibahasa, di Dewan Jubli Perak MPSHB pada 9 April yang lalu.

perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Hassanul Bolkiah Muizzaddin Waddaulah saya sukacita mengumumkan bahawa suatu sistem aliran dwibahasa atau bi-lingual akan diperluaskan lagi secara beransur-ansur mulai sekarang. Bagi mencapai maksud tersebut maka peperiksaan masuk ke sekolah Inggeris seperti yang ada sekarang adalah diganti dengan peperiksaan biasa bagi faedah-faedah ujian penyaluran sahaja. Dengan yang demikian semua murid dalam sekolah kerajaan akan berpeluang meneruskan pelajaran dalam darjah seterusnya bergantung kepada hasil ujian penyaluran itu dan tertakluk kepada syarat-syarat peraturan yang

lazim. Sehubungan dengan hal ini maka sebutan "aliran Inggeris" atau "aliran Melayu" tidaklah lagi dipergunakan bahkan hanya akan dikenali sebagai "aliran dua bahasa atau dwibahasa" ataupun "bi-lingual".

MEMENUHI KEINGINAN

Langkah yang disebutkan itu adalah diharapkan akan boleh memberikan manfaat yang diperlukan bagi murid-murid di negara ini, dan semoga akan dapat memenuhi keinginan setiap ibu bapa yang ada pada masa-masa yang lalu sentiasa berharap anak mereka akan fasih berbahasa Inggeris dengan mempelajari mata-mata pelajaran dalam bahasa itu, dan sambil itu akan sentiasa menguasai bahasanya sendiri yakni

bahasa Melayu. Dengan jalan ini juga, insya-Allah, anak-anak kita akan lebih mudah memasuki tempat-tempat pengajian tinggi di luar negeri di mana bahasa pengantarannya ialah bahasa Inggeris.

Oleh yang demikian Kementerian ini memerlukan komitmen tuan-tuan dan puan-puan semua dalam bidang dwibahasa ini. Mengingati akan hal para pelajar di negara ini khususnya pencapaian mereka di bidang peperiksaan maka pemikiran haruslah tertumpu bagi memperbaiki kesediaan diri kita masing-masing tanpa terlalu menyalahkan mana-mana pihak. Sejahter ini adalah menjadi kebiasaan sebahagian masyarakat kita beranggapan seolah-olah kelemahan pelajaran murid-murid dan pelajar-pelajar di negara ini terletak bulat-bulat kepada pihak pentadbiran dalam Kerajaan yang kononnya belum berupaya untuk mewujudkan satu susunan pembelajaran dan pengajaran yang lebih sempurna dan berkesan. Anggapan-anggapan serupa ini pada hakikatnya tidak akan menolong kesedaran masyarakat dan kegigihan para pelajar untuk sama-sama memastikan penglibatan diri kita masing-masing dan juga bagi memastikan kegigihan para pelajar dalam menghadapi pelajaran mereka.

MELEMAHKAN PELAJAR

Apa yang sebenarnya berlaku bahawa pihak Kerajaan dengan segala kemudahan-kemudahan dan sistem pendidikan percuma telah pun berusaha dari semasa ke semasa mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk sentiasa mengemaskan mutu pendidikan di negara ini, akan tetapi sikap sebahagian masyarakat dan kaum pelajar sendiri, jika terus menumpukan kelemahan pencapaian pelajaran itu kepada pihak Kerajaan, sesungguhnya hanya akan terus melemaahkan pelajar-pelajar dan masyarakat itu sendiri. Saya percaya dan saya yakin pencapaian mutu pendidikan yang lebih tinggi di negara ini tidaklah hanya bergantung kepada perancangan-perancangan, tidaklah hanya bergantung kepada keupayaan Kerajaan bahkan juga bergantung kepada kesedaran masyarakat pada membantu menghidupkan suasana belajar yang lebih meriah, dan juga kepada kesedaran para pelajar sendiri untuk menghadapi pelajaran mereka dengan gigih adalah suatu sumbangan yang akan menimbulkan kesan yang berkesempurnaan kepada apa jua rancangan pendidikan di negara yang kita kasihi ini. Sehubungan dengan perkara ini, setiap kali

keputusan peperiksaan diumumkan; ramai ibu bapa, masyarakat dan ramai para pelajar terdengar akan sebab musabab keputusan itu tidak mencapai peringkat yang sepatutnya. Persoalan utama bukanlah mencari pihak mana yang patut dipersalahkan secara bersendirian, akan tetapi apa yang sebenarnya kita pertingkatkan ialah bagaimana ibu bapa, bagaimana masyarakat dan bagaimana pula para pelajar melipatgandakan kesedaran, melipatgandakan penglibatan dan usaha masing-masing secara berterusan bagi mencapai kejayaan, dan bukanlah setakat merasa terlibat sesudah anak-anak menghadapi nasib malang dalam keputusan peperiksaannya.

Maka saya berharap saya mohon Guru-Guru Besar dan seluruh kaum pendidik, pelajar-pelajar serta ibu bapa akan sama-sama merenungkan kedudukan perkara ini dan cepat berusaha bagi mengubah sikap ke arah kebijaksanaan secocok dengan hasrat yang dicita.

Melalui taklimat hari ini adalah diharapkan Guru-guru Besar akan juga dapat berbincang mengenai pelajaran dan pengajaran secara teratur semata-mata dengan maksud memastikan agar pendidikan di negara ini berjalan dengan memuaskan.



GAMBAR atas menunjukkan sebahagian dari Guru-Guru Besar Jabatan Pelajaran yang menghadiri Taklimat mengenai sistem pelajaran di Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah, Gadong.



TYT Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke United Kingdom, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya (tiga dari kanan) bergambar bersama pegawai-pegawai di Suruhanjaya tersebut sejurus sebelum menyerahkan surat tauliah.

TYT Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Awang Haji Mohd Kassim sedang menyerahkan surat tauliah kepada Presiden Republik Singapura Encik C.V. Devan Nair.

TYT Duta Besar Brunei ke Thailand, Dato Hamid bin Jaafar ketika menyerahkan surat tauliah tersebut kepada King Bhomibul.



PENYERAHAN SURAT TAULIAH

TIGA orang Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik telah menyerahkan surat Tauliah Lantikan mereka masing-masing baru-baru ini.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menyerahkan Surat Tauliah Perlantikan tersebut ke hadapan majlis DYMM Baginda Queen Elizabeth II di satu upacara singkat di Istana Buckingham, London.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Daud menyerahkan Surat Perlantikannya kepada Tuan Yang Terutama Encik C.V. Devan Nair, Presiden Republik di Istana Negara pada 14 Mac yang baru lalu.

Manakala Tuan Yang Terutama Duta Besar Brunei Darussalam ke Thailand, Dato Hamid bin Jaafar telah menyerahkan surat perlantikannya kepada King Bhomibul pada 14 Mac lalu di satu upacara yang berlangsung di Chakarai Throne Hall, Grand Palace, Thailand.

Latihan mencegah kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu latihan mencegah kebakaran telah diadakan di Bangunan Maya Puri, Jalan Sultan di sini salah sebuah bangunan di ibu kota setinggi lima tingkat pada petang Selasa lepas.

Latihan itu melibatkan semua penghuni bangunan tersebut yang dianggarkan 100 orang terdiri dari Syarikat Pemasaran Shell Brunei Berhad, Syarikat Penerbangan Singapura, Suruhanjaya Tinggi Singapura dan Island Development Bank Ltd.

Semasa latihan tiga buah kereta bomba dengan 15 orang anggota telah dikejarkan ke tempat itu termasuk sebuah kereta bomba yang menggunakan 'Hydraulic Platform Simon Snorkel' yang panjangnya 103 kaki. Ianya sesuai digunakan untuk memadam kebakaran di bangunan-bangunan tinggi serta mempunyai keupayaan menyelamatkan orang-orang yang terperangkap di bangunan semasa kebakaran.

Menurut seorang jurucakap pasukan bomba bahawa latihan mencegah kebakaran akan diadakan seterusnya secara berperingkat-peringkat di beberapa buah bangunan tinggi di negara ini. Sejak September tahun lepas Pasukan Bomba Brunei mempunyai dua buah kereta bomba Simon Snorkel di mana tiap sebuah beratnya 23 tan berharga kira-kira \$1 juta.

Denda \$3,000 kerana cuba beri rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Majistret telah menjatuhkan denda sebanyak \$3,000.00 atau tiga bulan penjara ke atas seorang rakyat Malaysia, Jamahari Dawet yang didapati salah cuba memberikan rasuah.

Jamahari, berasal dari Kampung Serian, Sarawak didapati salah kerana cuba

memberikan rasuah kepada seorang Pegawai Polis pada 10 November 1983 agar tidak mengambil apa-apa tindakan di atas kesalahannya kerana enggan berhenti di Simpang Jalan Selatan Satu, Panaga Seria iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6 (b) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981.

Dia telah membayar denda tersebut.



DENGAN keupayaan ketinggian 103 kaki, memudahkan lagi operasi mencegah dan menyelamatkan semasa kebakaran.



PARA anggota pasukan bomba dengan cekap menjalankan tugas masing-masing semasa latihan memadamkan kebakaran di Bangunan Maya Puri.

ACARA KEUGAMAAN BENTUK SUASANA BERUGAMA

SUNGAI BESAR. — Acara-acara bercorak ugama telah memberi sumbangan kepada pembentukan suasana keugamaan di negara ini dengan lebih ketara.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin

Keputusan periksa London GCE 'A' dan 'O' level

BANDAR SERI BEGA—WAN. — Lembaga Peperiksaan telah mengeluarkan keputusan peperiksaan London GCE 'A' dan 'O' Level yang telah diadakan dalam bulan Januari 1984 lalu.

Daripada seramai 193 orang calon yang menduduki peperiksaan dalam Peringkat Tinggi hanya seramai 48 orang sahaja yang lulus sekurang-kurangnya mendapat satu mata pelajaran Peringkat Tinggi.

Sementara daripada seramai 1,138 orang calon yang menduduki peperiksaan pada Peringkat Biasa hanya seramai 640 orang sahaja yang lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Masjid baru Kg. Penanjong

GAMBAR bawah ialah Masjid baru bagi Kampong Penanjong yang telah dibuka rasmi pada minggu lalu. Dengan adanya masjid ini, penduduk Kampong Penanjong dan sekitarnya dapat mendirikan sembahyang berjemaah. Sebelum itu mereka berjemaah di Masjid Cahaya Derma Bakti yang terletak berhampiran dengan masjid baru itu.

Masjid baru menelan belanja kira-kira \$680 ribu dan telah dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim.

bin Pengarah Haji Othman ketika berucap merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kawasan Brunei I di Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin di sini hari Jumaat 6 April lepas menegaskan keistimewaan acara-acara keugamaan kepada negara ialah pada menentukan suasana Melayu Islam Beraja terus menerus ketara dan terpelihara dengan baik.

Menurutnya lagi, kita hendaklah tidak memberi corak lain pada negara ini selain dari corak Islamnya sebab corak Melayu Beraja itu adalah berunsurkan Islam dalam ertikata oleh bukan saja rakyat terbanyak bahkan oleh raja dan pembesar-pembesar negara.

Acara-acara keugamaan seperti pertandingan yang diadakan pada hari itu, katanya bagi setengah orang tidak nampak keistimewaannya selain dari acara dan majlis-majlis sedang bagi sebilangan yang lain terutama yang meminati lapangan Al-Quran, pertandingan itu sangat penting untuk menguji mutu pembacaan dari masa ke semasa.

Walau apa pun tanggapan terhadap usaha-usaha sedemikian namun setiap orang tidak akan keliru bahawa membaca Al-Quran adalah dikira suatu ibadat.

Menurut Pengarah Penerangan lagi tujuan dan sumbangan kepada suasana keIslamannya itu hendaklah difahami sebagai unsur terpenting pertandingan Al-Quran.

Beliau mengharapkan tujuan sedemikian akan berkembang dengan suatu masa nanti peserta mengerti akan makna ayat yang dibacakannya

manakala orang-orang yang mendengar atau turut sama menikmati kebisaan bacaan di samping mendalami fahaman atau mengingatkan kepada tujuan-tujuan firman Allah yang dibacakan.

Johan Bahagian Lelaki di pertandingan itu telah dimenangi oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Abdul Latif dengan markah 89 peratus.

Manakala tempat kedua disandang oleh Awang Haji Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar dengan markah 88 peratus.

Manakala Johan Bahagian Perempuan pula telah dimenangi oleh Dayang Rafiah bte Ibrahim.

Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris menyandang tempat kedua.

Kedua-dua peserta itu telah mendapat markah yang sama iaitu 81 peratus tetapi Dayang Rafiah telah memperolehi kelebihan markah dalam bahagian tajwid iaitu 35 peratus manakala Dayang Hajjah Siti Ara pula sebanyak 34 peratus.

Sebanyak empat peserta lelaki dan empat peserta perempuan telah menyertai pertandingan itu.

Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Ustaz Awang Haji Damit bin Haji Kawang yang kemudiannya diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, Awang Chuchu bin Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Kampong Sungai Besar.

Pengarah Penerangan, selaku tetamu kehormat di majlis itu telah juga menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang di pertandingan itu.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja menulis.....

Siri ke-122

AQIQAH

AQIQAH itu adalah Asunat dibuat dan tiada wajib, anak yang baharu lahir dan baharu diperanakkan sunat disembelihkannya aqiqah. Kanak-kanak laki-laki diaqiqahkan dengan dua ekor kambing yang telah berumur dua tahun atau dengan 2/7 bahagian dari seekor lembu atau kerbau yang telah berumur dua tahun, kambing lembu dan kerbau itu hendaklah selamat dari cacat dan selamat dari cedera anggota-anggotanya. Bagi kanak-kanak perempuan diaqiqahkan dengan kambing atau dengan 1/7 bahagian dari lembu atau kerbau.

Qada puasa Ramadan

Hutang puasa Ramadan wajib dibayar dengan puasa pada hari lain, kiranya ditinggalkan puasa Ramadan satu hari wajib diqadakan dengan membuat puasa sehari pada hari lain dari bulan Ramadan, jika ia melewati qada puasa yang ditinggalkannya sehingga datang Ramadan yang lain, maka ia wajib membayar kifarah (Fidyah) 15 tahlil beras kepada fakir miskin bagi tiap-tiap satu hari.

Qada puasa Ramadan tiada sah dibayar dengan sedekah. Ia hanya sah dibayar dengan jalan mengqada hari-hari

puasa Ramadan yang ditinggalkan pada hari-hari di luar Ramadan dan adalah berdosa jika tiada mengqada puasa Ramadan. Orang yang tiada puasa Ramadan dengan tiada apa-apa uzur pada syarak maka orang itu orang fasik kerana meninggalkan satu rukun Islam adalah fasik dan jika ada uzur seperti sakit atau, melakukan kerja berat, maka ia boleh membuka puasa Ramadan jika ia tiada tahan untuk meneruskan puasa itu, bukan dari malamnya ia sudah berazam tiada mahu puasa.

WALLAHUAKLAM



PENUNTUT-PENUNTUT Brunei di Kaherah bergambar ramai setelah selesai mengadakan majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Penuntut Brunei di Kaherah sambut Hari Kebangsaan

KAHERAH — Tanggal 23 Februari adalah merupakan hari baru dalam sejarah Negara Brunei Darussalam, hari yang bersejarah dan penuh bererti bagi setiap rakyat dan penduduk sama ada yang berada di dalam ataupun di luar negeri. Hari tersebut, iaitu Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dirayakan dengan penuh semangat cinta dan kasih kepada negara ataupun dalam ertikata lain semangat keBruneian yang sejati.

Bilamana di tanahair telah diadakan sambutan secara besar-besaran dan gilang-gemilang serta penuh kegembiraan bagi pertama kalinya, di Kota Kaherah pula pelajar-pelajar Brunei yang masih menuntut di Universiti Al-Azhar telah sama-sama merayakan hari yang penuh bersejarah itu dengan mengadakan satu majlis sambutan Hari Kebangsaan di Prince Ball Room, Sonesta Hotel, Madinat Nasr, Kaherah.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 200 orang jemputan, termasuk tetamu-tetamu khas yang terdiri dari Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta dari ASEAN, wakil peribadi Tuan

Yang Terutama Duta British di Kaherah dan wakil peribadi Yang Dimuliakan Al-Imam Al-Akbar Sheikh Azhar. Lain-lain jemputan ialah terdiri dari ketua-ketua pelajar negara-negara Asean serta siswa-siswi dari berbagai-bagai negara.

Acara majlis pada malam itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh pelajar Ak Mohd Ismail bin Pengiran Haji Tuah dan disusuli kemudiannya dengan persembahan lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Selamatkan Sultan' oleh kesemua pelajar-pelajar Brunei di sini.

Ketua penuntut Brunei di Kaherah Dk. Salmiah bte Pg Shabbudin juga telah menyampaikan ucapan alu-aluannya. Majlis pada malam itu juga telah menerima ucapan-ucapan tahniah dan selamat dari tetamu-tetamu khas.

Majlis diteruskan dengan ucapan khas dari wakil peribadi Yang Dimuliakan Al-Imam Al-Akbar Sheikh Al-Azhar. Antara lain beliau telah menyentuh tentang negara kita yang telah dikenali di mata dunia

khususnya di negara-negara Islam dengan kemasukannya menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam ringkasnya OIC.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa pihak Al-Azhar berusaha memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar Brunei dalam menimba ilmu pengetahuan di Lembah Nile ini dan memudahkan hubungan baik antara Brunei dan Republik Arab Mesir khususnya pihak Al-Azhar akan sentiasa terjalin erat.

Sebagai penyerikan lagi majlis pada malam itu deklamasi sajak yang berjudul 'Merdeka Untuk Watanku' telah disampaikan oleh dua orang pelajar Brunei di sini iaitu Awang Johar bin Mohammad dan Dayang Rashidah bte Mohd Hanifah. Kemuncak acara majlis pada malam itu ialah pertunjukan kebudayaan Melayu Brunei yang berupa silat dan pertunjukan pakaian-pakaian kebudayaan Brunei yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar Brunei di Kaherah.

Sebelum jamuan malam diedarkan, doa selamat telah dibacakan oleh pelajar Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd Yusof.



KEWAJIPAN SEMBAHYANG ANUGERAH

DI BULAN REJAB

MARILAH kita bertak-
wa sama-sama me-
ningkatkan taat kita
kepada Allah dengan
mengikuti dan mematuhi
ajaran-ajaran-Nya dan
menjauhi segala apa jua
yang ditegah dan dilarang-
Nya.

Alhamdulillah dengan
izin dan kurnia Allah jua
kita dapat lagi berada di
bulan Rejab yang mu-
barak ini, bulan yang di
dalamnya berlaku suatu
kejadian besar dalam se-
jarah umat Islam iaitu
peristiwa Israk dan Mikraj
Nabi Salallahu Alaihi
Wasallam.

MENYAKSIKAN ALAM GHAIB

Kejadian ini di-
terangkan oleh Al-Quran
dan hadis-hadis Nabi
Salallahu Alaihi Wasallam
bahawa Rasulullah telah
diisrakkan daripada Mas-
jidil Haram yang letaknya
di Kota Mekah hingga ke
Masjidil Aqsa yang
letaknya di Palestin.
Kemudian daripada Mas-
jidil Aqsa Baginda
dimikrajkan naik ke langit
sehingga pada akhirnya
sampai ke hadirat Allah
Subhanahu Wataala. Dan

seluruh peristiwa ini
berlaku pada malam hari
dan mengambil masa
beberapa ketika yang
tertentu sahaja.

Di dalam perjalanan
Israk dan Mikraj itu
Rasulullah Salallahu
Alaihi Wasallam telah
menyaksikan berbagai-
bagai pemandangan dan
mengalami berbagai-bagai
pengalaman. Rasulullah
telah menyaksikan alam
buana, alam ghaib, syurga
dan neraka serta lain-lain
pemandangan yang ganjil-
ganjil yang membuktikan
keagungan dan kebesaran
Allah Subhanahu
Wataala. Kemudian
sesudah itu Allah kur-
niakan pula satu anugerah
yang sangat tinggi dan
penting iaitu syariat ibadat
sembahyang fardu lima
waktu sehari semalam
yang diperintahkan pada
umat Islam untuk
melakukannya. Cara
perintah sembahyang lima
waktu itu disampaikan
berbeza dengan perintah-
perintah dan kewajipan-
kewajipan yang lain. Ada
pun yang lain itu cukup
dengan perantaraan



Malaikat melalui wahyu
tetapi sembahyang
diperintahkan langsung
oleh Allah kepada Nabi
Muhammad dengan men-
jemput Baginda sendiri
hadir ke hadirat-Nya. Ini
menunjukkan bahawa
ibadat sembahyang itu
mempunyai status dan
kedudukan yang sangat
tinggi dan mulia di sisi
Allah. Ibadat sembahyang
tidak syak lagi menen-
tukan bentuk dan keadaan
seorang Muslim. Ia men-
jadi tanda dan senjata
umat Islam yang terbesar
sebagaimana berdasarkan
Surah Al-Mukmin ayat 1,
Allah seolah-olah

menegaskan dengan
perintah-Nya: Ikutlah
jalan dan peraturan-Ku,
Sembahlah Aku bahawa
kau dan umat engkau akan
kuat dan berjaya dengan
cara yang demikian itu.
Firman-Nya yang ber-
maksud: "Sesungguhnya
telah berbahagia dan ber-
jayalah orang-orang yang
beriman, yang khusyuk di
dalam sembahyang
mereka serta mereka itu
berpaling daripada
perkara yang sia-sia."

HEBATNYA SEMBAHYANG

Demikian itu hebatnya
ibadat sembahyang

sehingga dapat menen-
tukan kebahagiaan dan ke-
jayaan kita di sisi Allah. Di
dalam saat-saat kita
menyambut dan mem-
besarkan peristiwa Israk
dan Mikraj itu pada setiap
tahun kita hendaknya
jangan lupa dengan suatu
perkara besar yang men-
jadi salah satu sebab dari
peristiwa ini terjadi iaitu
kewajipan ibadat fardu
sembahyang. Sepatutnya
kita tidak akan lupa lagi
dengan kewajipan besar ini
apatah lagi hendak men-
inggalkannya langsung
kerana pada setiap tahun
dan bahkan pada setiap
munasabah-munasabah
tertentu kita telah
mendengar orang-orang
menyebut dan mene-
rangkan kelebihan
kelebihan ibadat sem-
bahyang itu. Apa ganjaran
bagi orang-orang yang
melakukan dan apa pula
balasan buruk bagi siapa
yang meninggalkannya.

Sebuah hadis Nabi
Salallahu Alaihi Wasallam
daripada sahabat Abu
Hurairah Radiallahu
Anhu ada menerangkan
maksudnya lebih kurang:

"Pada hari kiamat kelak
yang mula-mula akan
dihisab dari amalan ham-
ba ialah ibadat sem-
bahyangnya. Jika ia lulus
di sana maka ia akan men-
jadi orang bahagia dan
berjaya. Jika kurang atau
tidak lulus maka ia akan
celaka dan rugi."

Perkara ini dikuatkan
lagi oleh sebuah hadis yang

lain riwayat Ibnu Majah
dan Al-Baihaqi yang
maksudnya lebih kurang:

"Barangsiapa yang men-
inggalkan ibadat sem-
bahyang dengan sengaja
maka ia terlepas dari tang-
gungan Allah."

TERLEPAS DARI ALLAH

Terlepas dari tang-
gungan Allah bermakna
jangan harap hendak men-
dapat perlindungan
daripada-Nya atau rahmat
dan keampunan-Nya.
Orang yang tidak men-
dapat perlindungan dan
tidak dikurniakan rahmat
adalah orang yang malang
walaupun zahirnya ia
beruntung dan bahagia
tetapi kebahagiaan itu
kosong di sisi Allah atau
mungkin juga istidraj
yakni didulurnya buat
seketika atau sebentar saja
wallahuaklam.

Marilah kita mengambil
peringatan yang ber-
sungguh-sungguh dengan
keterangan ini supaya kita
jadi hamba yang bersyukur
dan berbakti dengan
melalui ibadat-ibadat far-
du kepada Allah terutama
ibadat sembahyang lima
waktu jangan sekali-kali
kita cuai dan lalai. Ker-
jakan sembahyang jangan
berhenti atau bermusim-
musim, waktu lapang kita
buat tetapi masa kita sibuk
sedikit kita tinggalkan.
Perbuatan begini adalah
terang salahnya, men-
jauhkan kita dari rahmat
Allah dan sebaliknya
mendekatkan kita kepada
laknat-Nya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Tem-
burong mulai dari hari Rabu 18 April, 1984 hingga ke hari Selasa 24 April, 1984 adalah seperti di bawah
ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATA- HARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
18-20	12.26	3.40	3.41	6.30	6.31	7.42	7.43	4.57	4.44	4.58	6.11	6.12
21-24	12.25	3.39	3.40	6.30	6.31	7.42	7.43	4.55	4.42	4.56	6.09	6.10

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.
Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

KEDATANGAN PARA NABI NIKMAT PALING BESAR

KEDATANGAN para Nabi
dan Rasul Alaihimus Salatu
Wasallam kepada umat
manusia dari semenjak Nabi
Adam hingga nabi terakhir
Muhammad Salallahu Alaihi
Wasallam adalah merupakan
nikmat yang paling besar
kepada umat manusia
seluruhnya. Para Rasul
Alaihimus Salatu Wasallam
itu membawa ilmu yang
teristimewa dari ilmu-ilmu
yang lain iaitu memberitahu
kepada umat manusia bahwa
Tuhan seluruh alam ini ialah
Allah Yang Esa.

Bahawa manusia ini di-
jadikan adalah sebagai
warganegara akhirat bukan
warganegara dunia. Dunia ini
adalah tempat sementara
waktu. Sebagai ujian. Tempat
manusia beramal. Tempat
manusia berladang. Hasil
semaian dan tuaian akan
diterima di akhirat nanti.
Siapa yang menanam duri
maka duriilah yang akan
diterimanya. Siapa yang
menanam perkara-perkara
memabukkan maka

memabukkan jugalah yang
akan diterimanya. Siapa yang
menanam benih yang baik
maka hasil yang baiklah akan
diterimanya di akhirat kelak.

Kemudian para Rasul itu
memberitahu bahawa
sebagaimana di dunia ini ada
terdapat kedukaan dan
kesukuan, kesusahan dan
kesenangan maka begitulah
juga di alam akhirat nanti
akan terdapat kedua ciri
tersebut. Alam kedukaan dan
kesenangan dalam erti kata
yang sebenarnya adalah
tersedia di alam akhirat.
Manakala apa yang terdapat
di dunia ini adalah
sebahagian yang kecil sekali
jika dibandingkan dengan
apa yang ada di akhirat kelak.

Misalnya api neraka yang
disediakan bagi orang kafir

dan orang yang berbuat
maksiat mempunyai
kepanasan dan daya
kebakaran itu beratus ribu
kali ganda lebih panas
daripada api di dunia ini.
Penderitaan lapar dan
dahaga di alam akhirat itu ri-
buan kali ganda lebih dahsyat
daripada lapar dan dahaga
yang pernah dialami di dunia
ini. Gigitan binatang-
binatang berbisa di neraka itu
akan menyakiti ribuan
bahkan jutaan kali ganda
lebih sakit jika di-
bandingkan dengan gigitan
binatang berbisa di dunia. Ini
sebagai misalnya sengan-
kala, petukan ular sekali ia
memetuk 40 tahun baharu
hilang bisanya.

Bayangkanlah betapa
bisanya siksa Allah kepada
orang yang engkar kepada
perintah-Nya. Demikian juga

kecantikan dan di syurga itu
jutaan kali ganda lebih cantik
daripada kecantikan di dunia
ini. Tegasnya segala kese-
nangan dan kesukaan dunia
ini adalah bersifat sementara
waktu manakala kesenangan
atau kedukaan di akhirat itu
adalah kekal abadi yang tidak
akan mengenal kehabisan
atau kelapangan.

Para Anbiya menerangkan
kepada manusia cara-cara
yang harus diamalkan untuk
mendapatkan kebahagiaan
dan kesejahteraan sejati dan
untuk menghindarkan diri
daripada penderitaan dan ke-
sempasaan di kampung
halaman yang asalnya di
mana manusia akan hidup
buat selama-lama.

Begitulah Nabi-nabi
menanam hakikat bertuhan

yang satu, gerun pada neraka
dan cinta kepada nikmat
syurga dan dunia ini adalah
ladang untuk bersawah mem-
buat amalan salih kepada
umat masing-masing.
Begitulah juga Nabi terakhir
Muhammad Salallahu Alaihi
Wasallam telah mengubah
masyarakat jahiliah dengan
mengenalkan ilmu-ilmu
teristimewa itu.

Yang menjadi punca
kerusakan akhlak di kalangan
setengah umat manusia Islam
dewasa ini ialah lahir dari
lemah iman dan tidak yakin
dengan kekuasaan Allah
Taala dan tidak gerun kepada
neraka dan tidak dahaga
kepada nikmat syurga dan
menganggap dunia ini
sebagai matlamat terakhir.
Akibat kita telah biasa
mengikuti keinginan nafsu
kita tanpa menghiraukan
perintah Allah. Kita terlalu
mementingkan untung dan
ruginya di dunia tanpa
mengindahkan keadaan
syurga atau neraka dan

Menuju keredaan Allah

penyakit lupa kepada Allah,
tidak gerun kepada neraka,
tidak cinta kepada nikmat
syurga telah berjangkit dan
menular di kalangan kita.
Jadi untuk memulihkan dan
mengubahkan semula
keimanan kita yang hampir
hampir musnah itu marilah
kita membiasakan diri kita
dengan mengorbankan segala
keinginan kemahuan nafsu
kita supaya ia tunduk
mengikuti perintah-perintah
Allah serta mendapatkan
keredaan dengan
mengutamakan keuntungan
dan kerugian di akhirat dari
untung dan rugi di dunia ini.



AWANG Yunos bin Mohd Noh

Awang Yunos Juruukur Agung yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan lantikan Awang Yunos bin Mohd. Noh menjadi Juruukur Agung mulai 28 Februari, 1984.

Sebelum lantikan ini, Awang Yunos menjawat jawatan Timbalan Juruukur Agung dan telah memangku jawatan Juruukur Agung sejak bulan Disember 1981.

Awang Yunos ialah Juruukur Agung yang ke-10

dan merupakan anak Brunei yang pertama memegang jawatan ini sejak Jabatan Ukur ditubuhkan dalam tahun 1952. Semenjak itu jawatan Juruukur Agung dipegang oleh pegawai dagang dan pegawai dagang yang terakhir menjawat jawatan itu ialah Awang James William Wright dari England.

Awang Yunos mula berkhidmat dengan Jabatan Ukur sebagai Pembantu Teknik Rendah dalam bulan September 1966.

Dalam tahun 1971 beliau telah dihantar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjalani kursus Ukur Tanah di Jabatan Tanah dan Ukur New Zealand selama lima tahun. Beliau kembali ke Brunei dalam tahun 1976 dengan memperolehi Certificate in Land Surveying. Setahun kemudian, beliau dinaikkan ke jawatan Penolong Juruukur.

Dalam bulan September 1977, beliau sekali lagi dihantar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke

England untuk mengikuti kursus ijazah dalam bidang Sains Ukur Tanah dan Pemetaan di North East London Polytechnic selama tiga tahun. Beliau pulang ke Brunei dalam bulan Julai 1980 setelah lulus dengan mendapat ijazah B.Sc.

Awang Yunos menjadi Ahli Persatuan Juru-juru Ukur Malaysia (Malaysia Institute of Surveyors — MIS) dan Persatuan Juru-juru Ukur dan Penilaian Singapura (Singapore Institute of Surveyors and Valuers — SISV).

ANAK merupakan harta yang paling berharga bagi kehidupan berkeluarga atau bagi seorang ibu dan bapa. Oleh sebab itu anak memang tidak ditukar ganti walaupun dengan nyawa seorang ibu dan bapa.

Setiap ibu dan bapa yang telah mempunyai anak mengerti betapa besar ertinya anak. Kerana itu tidak ada yang mahu anak-anak mereka sakit atau cacat atau sebagainya.

Anak adalah punca kebahagiaan dalam hidup berkeluarga dan sebagai ibu bapa yang baik pasti akan mengatur serta memelihara anaknya supaya dapat menjadi generasi yang berguna, berbudi bahasa, hormat serta mempunyai peribadi yang tinggi untuk menjadi warganegara yang berguna bagi agama, bangsa dan negara.

Anak-anak bila lahirnya ke dunia adalah ibarat kain putih yang bersih. Ibu bapalah yang akan mencorakkannya sama ada anaknya itu akan menjadi seorang yang berguna atau sebaliknya. Oleh kerana itulah kanak-kanak perlu dijaga dengan rapi sejak ia masih dalam kandungan lagi.

Naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan pangkat. Dua orang dinaikkan ke pangkat Mejar dan seorang ke pangkat Leftenan.

Mereka yang dinaikkan pangkat Mejar ialah Kaptan Affalon bin Dato Paduka Haji Hamidon dari Batalion Pertama dan Kaptan Pengiran Masuni bin Pg Ahmad dari Pusat Latihan Sementara Lt. Muda Adanani bin Engin dari Tentera Laut dinaikkan ke pangkat Leftenan.

Kenaikan pangkat bagi Mejar Affalon bermula dari 1 April, 1984; Mejar Pg Masuni bermula dari 5 April 1984 dan Lt. Adanani bermula 31 Mac 1984.

KE ARAH PENCAPAIAN MASA DEPAN KANAK-KANAK YANG CERAH

Oleh: Zabaidah H.S.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam sendiri telah menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk ibu-ibu mengandung dan anak-anak di merata tempat dari bandar hinggalah ke kampung-kampung pedalaman. Ini sejajar

kesihatan dari segi rohani dan jasmaninya.

Anak-anak damit yang masih dalam jagaan ibu

dan untuk para ibu yang mengandung. Seperti ibu-ibu Islam patut memakan yang halal, kerana perkara yang halal itu akan masuk



SALAH seorang Jururawat Kesihatan sedang menerangkan bagaimana kemalangan-kemalangan berlaku terhadap kanak-kanak di rumah.

dengan tema Hari Kesihatan Sedunia tahun ini yang berbunyi 'Kanak-Kanak Sihat Masa Depan Cerah.'

Sebagaimana ceramah-ceramah kesihatan yang diberikan oleh pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, kepada ibu-ibu di seluruh negara di Hari Kesihatan Sedunia yang bermula 7 April lepas, ibu-ibu lebih dititik beratkan bagaimana menjaga anak-anak supaya sentiasa berkeadaan sihat dan terhindar dari kemalangan-kemalangan yang sering terjadi di rumah. Kesihatan kanak-kanak ini termasuklah

bapa patut dikawal dan dilindungi dari penyakit seperti penyakit kencing gigi, batuk kering, rengkung dan lain-lain dengan memberikan suntikan. Kerana suntikan adalah satu teknik berkesan bagi mencegah penyakit tersebut daripada berjangkit.

Mungkin kita tidak tahu bahawa setiap tahun ribuan kanak-kanak mati disebabkan penyakit berjangkit, kemalangan dan sebagainya, sedangkan semua ini boleh dicegah dari peringkat awal lagi.

Perkara yang utama ialah penjagaan makanan yang sempurna bagi pertumbuhan kanak-kanak

ke jasad manusia. Dari makanan ini jugalah akan membentuk fizikal dan mental kanak-kanak.

Menyentuh berkenaan dengan kemalangan terhadap kanak-kanak damit di rumah-rumah, seperti lemas yang sering terjadi di Kampong Ayer, ini mungkin disebabkan kecuaiannya penjaganya disebabkan kesibukan-kesibukan sehinggalah ke mana perginya anak-anak tidak diketahui. Selain dari itu kanak-kanak juga patut dihindarkan dari kotak-kotak plastik yang selalu dibawa ibu-ibu dari membeli-belah, kerana benda-benda ini juga boleh mengakibatkan anak-anak menjadi lemas.

Ibu-ibu juga harus menyimpan bahan-bahan seperti ubat dan pil-pil di tempat-tempat yang tidak dicapai oleh kanak-kanak, ini disebabkan ada di antara ubat-ubat dan pil-pil tersebut menyerupai barang-barang makanan seperti gula-gula atau minuman-minuman.

Kecuaian ibu-ibu atau penjaga menyimpan benda-benda tajam seperti pisau, pisau cukur, jarum, paku dan sebagainya atau benda-benda panas seperti seterika akan mengakibatkan luka, hangus dan melecur.

Pasti tidak ada ibu bapa yang ingin melihat anaknya cacat dan sebagainya akibat dari kecuaiannya yang disedari atau tidak. Tetapi apa yang perlu ialah usaha dan ikhtiar serta berdoa agar dipanjangkan umur anak-anak dan seisi keluarga, walaupun kita

memang tidak dapat melawan kehendak Allah Subhanahu Wataala. Menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak ada gunanya.

Ada kalanya, apabila terjadi sesuatu hal kepada anak-anak, ibu-ibu merasa cemas lalu memberikan apa saja bagi membantu anaknya, menurut pegawai-pegawai kesihatan perkara seperti ini adalah berbahaya dan adalah sebaik-baiknya menghantar anak-anak tersebut ke rumah sakit dengan seberapa segera.

Perkara yang juga amat penting ialah sistem pendidikan yang aktif sejak dari awal hidup kanak-kanak. Tanpa ada pelajaran atau pendidikan yang teratur dari awal lagi pasti tidak mungkin anak-anak kita akan mengharungi kehidupan cerah di masa depan.

Ibu bapa adalah orang yang mula-mula dapat memberikan aruh yang positif kepada anaknya, melalui bujukan, teladan dan pembawaan dalam keluarga. Tetapi bukanlah semua ibu bapa merupakan pendidik yang dicita-citakan itu. Salah satu contoh bagi mempengaruhi anak-anak ialah kesabaran, hati yang tenang, kasih sayang dan sikap lemah lembut.

Angkasa 'A' juara liga bola sepak PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Angkasa 'A' Kampong Saba Laut juara liga bola sepak setelah menewaskan Pasukan Commando Rangers F.C. dengan dua gol tidak berbalas dalam satu perlawanan peringkat akhir bagi kelab-kelab Persatuan PERKASA dan penduduk-penduduk Kampong Saba yang telah diadakan Ahad lepas bertempat di Padang Kompleks J.K.R. Lapangan Terbang Lama Berakas.

Tempat ketiga disandang bersama oleh Pasukan SETERIA dari Kampong Saba Darat 'B' dan Pasukan

SATELIT dari Kampong Ujong Klinik. Perlawanan tersebut telah dianjurkan oleh Persatuan PERKASA bagi kali keempat sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun.

Sebanyak 17 buah pasukan telah menyertai liga tersebut. Hadiah kepada pemenang-pemenang disampaikan oleh Awang Abd Samad bin Haji Abas, Jurutera Air J.K.R. Brunei. Johan telah menerima oskar yang disumbangkan oleh Awang Haji Sulaman bin Haji Jalil dari Kampong Saba Tengah.

PERALATAN JANAKUASA TAMBAHAN TIBA

EMPAT Buah bungkusan berat yang mengandungi peralatan bagi projek tambahan janakuasa di Seria


telah tiba di gelanggang ECO Kuala Belait baru-baru ini. Oleh kerana keadaannya yang besar dan berat maka

bungkusan-bungkusan itu terpaksa diangkut dari laut melalui Muara. Bungkusan yang paling berat ialah

janarus elektrik yang beratnya 70 tan dan memerlukan pengangkut berangkai oleh dua buah kren CPH jenis Manitowok. Bungkusan yang tiga buah itu lagi mengandungi peralatan kawalan, kabin-kabin pembantu dan penempatan turbin gas yang kesemuanya lebih dari 30 tan.

Tiga buah dari bungkusan tersebut terpaksa diangkut dari gelanggang itu dengan menggunakan lima gandar khas trailer beroda 40 biji yang dipinjamkan kepada BSP oleh Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik Kerajaan dan untuk menghindarkan gangguan kepada semua pengguna jalan raya cuma satu perjalanan sahaja yang dilakukan setiap hari.

Bahagian pengangkutan berat SSU/22 dengan kerjasama yang rapat dengan pihak Polis Diraja telah memindahkan bungkusan yang penghabisan ke stor peralihan pada 4 April, setelah kerja persiapan yang berakhir dari satu hingga ke dua minggu peralatan itu akan diangkut semula bagi perjalanan pendek menyeberang tempat pembinaan di belakang loji janakuasa BSP di Jalan Tengah.



GAS turbine housing, salah sebuah peralatan untuk janakuasa tersebut.

Penggalian di Rasau bermula Jun ini

OPERASI-OPERASI penggalian di Rasau dijangka akan bermula pada penghujung Jun tahun ini dan EPS/3 kini berusaha dengan penyediaan-penyediaan tempat.

Lokasi pertama iaitu GWI 8.2 telah dicapai pada 18 Mac dan pengelusan bagi lokasi penggalian dan penembokan pasir sedang dalam perkembangan. Pembaikan bagi pengalir dijangka akan dilakukan dalam pertengahan bulan ini. Penembokan pasir diambil dari satu tempat di kawasan barat sungai Belait.

Selain dari masalah-masalah alam sekitar (paya-paya, kandungan air dan hutan yang belum iteroka) yang memerlukan pembinaan stor kanjus yang khas dan di antaranya penyediaan jalan, EP/3 yang telah berhubung dengan OBL/2 juga sedang berusaha untuk menyediakan sokongan logistik, kata Tom Hooft Van Huysduynen dari EPS/31. Ini melibatkan rancangan-

rancangan kontingen pemadaman, barik-barik tidur kecemasan, pengangkutan feri di luar masa pejabat, penyediaan air industri dan untuk minuman serta lain-lain.

Rekabentuk untuk penyediaan bagi tiga buah telaga itu, setelah operasi-operasi penggalian sekarang sudah bermula. Oleh kerana Rasau ialah sebuah kawasan yang masih baru dengan harapan masa depan yang baik satu pemandangan melibatkan penggunaan saluran-saluran penggalian yang besar. Yang baiknya ialah keadaan tersebut melibatkan kurang pembinaan dan belanja yang kurang dan telaga-telaga baru digali pada masa akan datang boleh dicantumkan ketumpuan-ketumpuan pukal yang ada juga mengurangkan belanja.

Walaupun bagaimanapun, rancangan-rancangan perkembangan masa akan datang bagi kawasan Rasau

sangat bergantung kepada keputusan taksiran bagi telaga GWI 8.2. Ianya melibatkan jalan-jalan tembusan minyak aspal, tambahan ke atas kemudahan-kemudahan menyeberang sungai dan bekalan air minum yang baik. Adalah dijangkakan bahawa di masa yang akan datang kita akan melihat kegiatan yang bertambah di kawasan Rasau.

Kakitangan rendah SSU ikuti ceramah pengendalian barang

CERAMAH mengenai cara pengendalian barang-barang telah diberikan kepada 40 orang kakitangan rendah SSU pada hari Jumaat 30 Mac dan hari Rabu 4 April lepas.

Ceramah yang diadakan di

bilik Persidangan SSU itu telah memberi penerangan dan panduan-panduan mengenai teknik pengendalian barang-barang semasa menggunakan kren-kren dan trak-trak pengangkutan dengan penekanan khusus kepada kerja kawalan keselamatan dan tindakan berjaga-jaga.

Lawatan-lawatan ke tempat kerja juga telah diadakan semasa kursus untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah diterangkan dalam ceramah tersebut dan juga menarik para peserta.

Peserta-peserta yang mengikuti kursus tersebut termasuklah pengendali kenderaan, mandur-mandur, pengendali kren dan trak pengangkutan, penjaga-penjaga stor, pengawas-pengawas gudang dan kawasannya, kerani rendah di bahagian pentadbiran dan pesanan serta juga kakitangan yang bekerja di bahagian gerakan.

Ceramah tersebut telah dikendalikan dalam Bahasa Melayu.



AWANG Robin Hoon, seorang pegawai dari Jabatan Perbekalan menyampaikan penerangan semasa lawatan peserta-peserta kursus di bahagian luar.



Buku terbitan Muzium/ BSP mula dijual

SEBUAH buku baru yang memberikan gambaran pertama mengenai kumpulan-kumpulan gas dan minyak di Negara Brunei Darussalam kini telah boleh diperolehi.

Diterbitkan bersama Muzium Brunei dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad (BSP) ianya diberi tajuk 'The Geology and Hydrocarbon Resources of Negara Brunei Darussalam'. Buku ini diusahakan oleh kakitangan

Jabatan Eksplorasi Shell Brunei dan disunting oleh Pengurus Eksplorasi Awang David James.

Buku ini ialah salah satu daripada bilangan projek yang diambil oleh syarikat bagi menandakan pencapaian semula kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam. Naskah-naskah bolehlah diperolehi dari Hal-Ehwal Awam (APA31) berharga \$37.50 yang dipotong melalui gaji.

Alat Reuters Monitors

PADA HARI Isnin 26 Mac lepas FAC/2 telah mengambil satu langkah teknologi yang terbesar dengan memasang alat Reuters Monitor di Pejabat. Walaupun ianya sebuah peralatan yang sederhana, sistem itu sendiri membawa ke peringkat perhubungan yang baik kepada kegiatan perbaharaan BSP yang terdahulunya tidak diperolehi.

BSP mengendalikan matawang luar negeri bagi pihak tiga buah syarikat Brunei yang beribu pejabat di Seria sejumlah kira-kira B\$600 juta sebulan. Ini meliputi pertukaran matawang luar negeri dan menempatkan simpanan dalam wang ringgit Brunei dan Amerika Syarikat dan Kuasa Pengeluaran Khas.

Sehingga sekarang BSP terpaksa menjalankan pengendalian melalui nasihat telex dari bank-bank di Singapura untuk memperoleh ramalan-ramalan pergerakan pasaran dan keadaan-keadaan. Kemudahan Reuters menyediakan penerangan dari minit ke minit di pasaran Singapura, di mana BSP biasa mengendalikannya dan penerangan dari pasaran utama dunia. Berita-berita tambahan biasa yang melibatkan pasaran-pasaran matawang juga diperolehi.

Brunei Shell ialah di antara satu tiga para pengguna kemudahan ini di Brunei, yang lain ialah Agensi Pelaburan Brunei dan The Bank of Amerika.

Di minggu pertama setelah pemasangannya, operasi bagi kemudahan itu membuktikan betapa ianya dihargai.



SYARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad akan memperkenalkan satu sistem 'layan sendiri' di stesen minyaknya tidak berapa lama lagi. Sistem tersebut akan dimulakan bulan depan di Stesen Roxana di Seria. Gambar atas kelihatan seorang pekerja di stesen itu menunjukkan cara penggunaan sistem tersebut.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

SISTEM KOMPUTER UNTUK PENDAFTARAN DI DAERAH BELAIT.

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait atau Pejabat Penaksir Tanah di Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA.	LETAK TANAH.
8633	8931	Abd Kadir bin Mohamad. (I/C No. 018419 Kuning)	Jerudong.
8633	8931	Brahim bin Mohamad. (I/C No. 027087 Kuning)	Jerudong.
8633	8931	Halimah bte Mohamad. (I/C No. 027016 Kuning)	Jerudong.
8641	9070	Mohamedin bin Mohamad Salleh.	Tanjong Pisang.
8642	9112	Dayang Damit bte Awang Ahmad.	Kilanas.
8643	9156	Pg Puteh bin Pg Ahmad.	Tanjong Subai.
8644	9201	Wee Chat Tze @ Wong Shir Sze.	Kianggeh.
8644	9201	Wee Liang Liang (I/C No. 047567 Kuning)	Kianggeh.
8645	9202	Han Poh Juan.	Kianggeh.
8648	9127	Raya binte Hasbullah. (I/C No. 029482 Kuning)	Kuala Lurah, Limau Manis.
8648	9127	Matassan bin Haji Molok. (ABDB 0968)	Kuala Lurah, Limau Manis.
8655	9126	Jamaludin bin Kasim.	Bengkabung.
8660	9028	Ali bin Ahmad. (I/C No. 009932 Kuning)	Jerudong.
8667	9160	Pg Ismail bin Pg Mahmood. (I/C No. 021166 Kuning)	Beribi.
8668	8938	Puasa bin Daud.	Paya Manalan.
8671	9128	Ismail bin Duraman. (I/C No. 040920 Kuning)	Bengkabung.
8676	9045	Nayan bin Kasim.	Jalan Jerudong.
8678	9105	Dayang Tengah bte Ali Akhbar. (I/C No. 031855 Kuning)	Jerudong.
8682	9236	Ahmad bin Piut.	Bunot.
8685	9076	Pg Abu Bakar bin Pg Metassim.	Jerudong.
8996	9161	Dayang Sainah bte Khatib Haji Metali.	Masin.
8711	5134	Nor Aisah binte Abdullah @ Yee Nyit Moi. (I/C No. 019721 Kuning)	Paya Mulaut.
8713	9024	Zainon binte Mohd. Taha.	Jerudong.
8718	8967	Hanafiah bin Abdullah.	Lambak, Berakas.
8723	9247	Ibrahim bin Sapar.	Kilanas.
8727	9104	Mohd Ja'afar bin Jaludin. (ABDB 0152)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Awg. Ramlie bin Awg Damit. (ABDB 1230)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Abd Rahman bin Metassan. (ABDB 1227)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Pg. Ahmad bin Pg Minggu. (ABDB 0286)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Pg Hj Jaludin bin Pg Mustafa. (ABDB 0109)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Matzan bin Abd Ghani. (ABDB 1636)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Mohd Azmi bin Abdullah @ Mohd Azmi bin Mohd Alikhan. (ABDB 1238)	Jalan Jerudong.
8727	9104	Hanifah bin Leece. (P.C. No. 741)	Jalan Jerudong.
8726	8993	Pg Mat Salleh bin Pg Metar-sad.	Jerudong.
8731	9007	Jamahat bin Jumat.	Pulau Menjawa.
8731	9007	Palam bte Banga.	Pulau Menjawa.
8731	9007	Zaimah binte Banga.	Pulau Menjawa.
8731	9007	Saisah binte Banga.	Pulau Menjawa.
8731	9007	Norsalam binte Asam.	Pulau Menjawa.
8737	9136	Haji Bani bin Haji Buang. (I/C No. 016967 Kuning)	Jerudong.
8737	9136	Johari bin Abdol Hamid. (I/C No. 036899 Kuning)	Jerudong.
8740	9088	Mohidin bin Nudin.	Gulang-Gulang.
8740	9088	Kasim bin Hj Bungsu (Kassim bin Hj Mohidin)	Gulang-Gulang.
8740	9088	Akop bin Diris (Kula bin Diris)	Gulang-Gulang.
8757	5106	Abu Bakar bin Metussin. (I/C No. 033669 Kuning)	Paya Mulaut.
8762	9242	Mohd Noor bin Mokti.	Kasat.
8797	9304	Buntar bin Haji Serudin.	Angat, Limau Manis.
8800	9035	Kulam bte Haji Jais. (I/C No. 008825 Kuning)	Jalan Jerudong.

8803	9097	Teo Miew Hoon (Mary Teo) (I/C No. 003806 Kuning)	Jalan Jerudong.
8806	9556	Haji Abdullah bin Haji Md Tahir. (I/C No. 019812 Kuning)	Kiulap.
8806	9556	Haji Kula bin Haji Md Tahir.	Kiulap.
8816	9362	Aishah bte Haji Asar.	Mulaut, Sengkurong.
8822	9303	Liman bin Md Said. (I/C No. 033136 Kuning)	Riong.
8825	9243	Dayang Aminah bte Haji Tudin. (I/C No. 012983 Kuning)	Kasat.
8826	8983	Ismail bin Chuchu (Mail/Misimail) (I/C No. 017365 Kuning)	Jerudong.
8830	9341	Lim Thing Bee. (I/C No. 017699)	Lubok Tebangun.
8834	9281	Haji Hidop bin Kahar.	Kulapis.
8834	9281	Ajak bin Zainal.	Kulapis.
8841	9934	Lampong bin Jamudin.	Marapau, Lumapas.
8844	9569	James Ho Chin Chun.	Orok.
8848	9432	Teo Kui Meo. (I/C No. 009059 Kuning)	Batu 1/2, Jln Berakas.
8856	9379	Ag. Tengah bin Abu Bakar.	Buang Tekurok.
8856	9379	Md. Zaman bin A. Ali.	Buang Tekurok.
8856	9379	Md Daud bin Abu Bakar.	Buang Tekurok.
8856	9379	Mohsin bin Pukul.	Buang Tekurok.
8861	9383	Ahmad bin Juma'at. (I/C No. 056538 Kuning)	Beribi.
8864	9389	Jawiah bte Sulaiman.	Buang Tekurok.
8882	9586	Lim Sew Lan.	Kilanas.
8885	9588	Awang Ahmad bin Haji Bakar.	Panchor Mahau, Serdang.
8887	8991	Dayangku Salmiah bte Pg. Haji Mohd Salleh.	Jerudong.
8888	9315	Abdul Hamid bin Mohaimin.	Situkak, Kilanas.
8889	9436	Metusin bin Puteh.	Tanjong Subai.
8892	9456	Dayang Serbanun binte Mohd Jaafar.	Sungai Menjalin.
8894	9397	Awang Jumat bin Hassan @ Awg. Jumat bin Mohd Hassan. (I/C No. 019496 Kuning)	Bekarai Kepayang.
8894	9397	Awang Rashid bin Hassan (I/C No. 019505 Kuning)	Bekarai Kepayang.
8899	9395	Koh Siew Ying.	Bekarai.
8899	9395	Yap Guat Ting.	Bekarai.
8901	9658	Tan Yee Ching. (I/C No. 007991 Kuning)	Pusar Ulak.
8903	9418	Awang Adi bin Awang Kadot.	Sungai Menglait.
8903	9418	Dayang Hanifah bte Awg. Bakar.	Sungai Menglait.
8904	3521	Awang Salleh bin Awang Damit.	Panchor Murai.
8910	9532	Awang Yunos bin Murni.	Sungai Besar.
7790	8204	Abd Rahman bin Metassan. (I/C No. 015563 Kuning)	Lubok Tebangun.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 18 hingga 24 April 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	18.4.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	18.4.1984	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	18.4.1984	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut	19.4.1984	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	19.4.1984	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd. Yusoff Katimahar	21.4.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	21.4.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	21.4.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	21.4.1984	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	21.4.1984	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	21.4.1984	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh Sungai Hancing	23.4.1984	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.	23.4.1984	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	24.4.1984	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Angeerik Desa	24.4.1984	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap	24.4.1984	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Agama Kg. Mata-Mata, Gadong	24.4.1984	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	24.4.1984	Selasa	4.30- 5.30 "

RTB

Intisari minggu ini

RADIO MINGGU INI:

'KALAU MEMANDANG BINTANG DI LANGIT'

MEMANG radio tidak dapat lari dari dunia hiburan. Kerana di samping fungsinya sebagai pembekal pelajaran, pengetahuan atau menjadi bahan rujukan, radio juga dianggap sebagai penghibur yang membuahkan kesan. Setiap hari siaran radio memang diperuntukkan masa yang tertentu untuk diisi dengan rancangan-rancangan yang bertemakan hiburan ringan.

Di antara hiburan ringan yang dimaksudkan ialah ruangan lagu-lagu permintaan, yang sejak dulu lagi mengambil tempatnya di radio bagaikan air pasang yang tidak mengenal surut. Begitu lah hebatnya sambutan penyertaan pendengar.

PENYERTAAN 'DIRECT'

Radio pula, mengambil sikap memberi dan menerima dalam ruangan

yang mengharapkan penyertaan 'direct' dari pendengar ini. Bercakap mengenai sambutan pula, seperti yang telah dinyatakan tadi, radio memang menerima sambutan yang menggalakkan. Ruangan lagu-lagu permintaan seolah-olah ruangan yang sentiasa 'brand-new' sambutannya. Setiap hari, berpuluh-puluh keping surat penyertaan yang diterima, dan dari sambutan inilah menjadikannya satu bahan yang teguh yang mampu bernafas hingga ke hari ini.

Apa yang ingin ditekankan di sini ialah kerjasama dari pihak yang menyertai ruangan ini. Kiranya, dapatlah awda peserta-peserta sekalian menulis kad-kad permintaan itu dengan tulisan yang mudah dibaca oleh pe-

nyampainya. Dengan itu, dapatlah juga penyampai menjimatkan masa daripada membeliak-beliakkan mata buat beberapa ketika, cuba untuk membaca dengan betul apa yang sebenarnya dikehendaki oleh para peserta.

TREND UCAPAN

Seperti yang dimaklumi, setiap pengirim kad-kad permintaan itu disyaratkan untuk mencatat nama dan alamat yang meminta dan ditujukan berserta dengan ucapannya sekali. Perkara kedua yang hendak disentuh ialah tentang ucapan. Walaupun trend ucapan sepuluh atau dua puluh tahun dulu sudah berubah, dan tidak lagi kedengaran ucapan yang ber-

bunyi 'Kalau memandang bintang di langit, jangan lupa rumput di bumi', pihak radio masih mencari-cari perubahan yang difikirkan relevan dengan negara masakini. Pilihlah ucapan-ucapan yang bersesuaian dan kalau boleh bertemakan pembangunan. Dan jangan pula cuba menjejaskan peribahasa Melayu kita yang sedia ada dengan menukar ucapan tadi kepada ucapan yang berbunyi 'bila melihat jam di tangan, jangan lupa cincin di jari.'

Dimikianlah serba sedikit dikemukakan persoalan yang simple tapi kadangkala menimbulkan masalah bagi pihak radio dan mungkin juga ditanggung sama oleh sebilangan besar pendengarnya.



Drama:

'Serba salah' siri kedua

DALAM siri kedua ini Awg. Jamal dan Awg. Sudin pergi berjumpa anak Liau Labu (Awang Jalil) tujuan mereka ialah untuk memberitahu kepada Awg. Jalil berkenaan dengan tanah.

Sementara Liau Labu cuba pula tinggal bersama-sama anaknya di Bandar. Tetapi malangnya sikap hidupnya tidak sama hidupnya seperti di kampungnya dahulu. Pernah suatu hari Liau Labu meminta Jalil untuk menghantarnya pulang ke kampung, tetapi permintaan ayahnya tidak dapat dipenuhi oleh anaknya dengan alasan hidup di Bandar lebih selesa dari di kampung.

Untuk mengetahui selanjutnya sama-samalah kita ikuti siarannya pada 20 April, 1984.

Sandiwara Radio:

"KEMBALI SEORANG"

PENULIS Sani A. B. kali ini mengetengahkan tentang dugaan hidup yang dialami oleh seorang nelayan muda, dalam tulisannya yang berjudul KEMBALI SEORANG.

Osman, adalah seorang anak muda yang menggantungkan hidup keseluruhannya hanya pada hasil-hasil yang didapatinya dari laut. Walaupun pekerjaannya itu suci, tapi ada orang yang memandang hina dan merendharkannya, lebih-lebih lagi memandangkan ia hanya menumpang di kampung di mana ia mencari sara hidup.

Murad dan Darus adalah dua orang pemuda

yang sangat merasa tidak senang dengan kehadiran Osman di kampung itu. Perkara ini timbul disebabkan oleh perasaan irihati mereka, memandangkan Nora selalu memberikan perhatiannya terhadap Osman.

PRINSIP

Nora yang prinsip hidupnya memandang mulia pada orang yang jujur seperti Osman, tidak menghiraukan segala ugutan dan kata-kata hasutan dari Murad dan Darus yang memang diketahuinya mempunyai niat yang buruk terhadapnya.

Ia selalu bertindak selaku penasihat dan menghidupkan jiwa Osman, agar tidak mudah tunduk dan mengaku kalah kepada petualang-petualang seperti mereka.

Walaupun begitu, Osman tetap merasa rendah diri dan berhasrat untuk meninggalkan saja kampung itu, apa lagi bila ia sendiri mendapati ayah Nora, Pak Hasan juga akhirnya tidak menyenangi akan kehadirannya di sana.

Kekecohan itu berlarutan bila satu hari Nora tidak pulang-pulang ke rumah. Darus mengambil kesempatan itu untuk memberitahu Pak Hassan, yang kehilangan Nora adalah berpunca dari perbuatan buruk Osman.

Apakah yang terjadi seterusnya? Benarkah Osman yang melakukan perbuatan jahat itu? Kisah selanjutnya akan dapat diikuti melalui siaran sandiwara radio minggu ini yang akan ke udara pada 22 April, 1984 jam 10.30 pagi.

Terbitannya diselenggarakan oleh Saloma Haji Mahmud.

Dua penyanyi remaja jayakan Dendang Remaja

DUA orang penyanyi remaja akan menjayakan siri ke-14 Dendang Remaja minggu ini dengan menghidangkan lagu-lagu. Penunggu, Penari dan Rintihan.

Dalam rancangan yang akan ke udara pada hari Jumaat 20 April jam 5.00 petang itu, Awda akan dapat mengikuti dendangan Awang Haji Sharani bin Haji Adanan dan Dayang Taridah bte Punggut.



HAJI SHARANI



DAYANG TARIDAH

Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan dijayakan oleh seorang peminat dari Daerah Temburong.

Dalam rancangan yang akan ke udara pada hari Selasa 24 April, jam 4.00 petang, Awda pendengar akan mengikuti lagu-lagu pilihan Dayang Zuridah bte Tamin yang beralamat No. 10 Kampong Beke-rut, Temburong.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan rombongan selamat berangkat tiba di Lapangan Terbang Nirata, Jepun pada 5 April (gambar kiri). Gambar atas pula kelihatan Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Michiko mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyaksikan satu pertunjukan.

GAMBAR-GAMBAR



D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah; Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam; Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan Y.A.M. Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris yang turut berangkat menyertai rombongan Baginda dalam lawatan rasmi ke Jepun dan Republik Korea.

Di Osaka House inilah (gambar bawah) Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersemayam semasa lawatan rasmi Baginda ke Jepun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia juga berkenan melafazkan titah di majlis Jamuan Negara. Di kiri Baginda ialah Maharaja Hirohito (atas) sementara gambar bawah kelihatan Maharaja Hirohito mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda Yang Dipertuan setelah selesai Jamuan Negara.





DI SEKITAR KEBERANGKATAN D.Y.M.M. KE JEPUN

DALAM lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone.



YANG Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone ketika mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke salah satu majlis yang diadakan sempena lawatan Baginda ke negara Jepun.

BERANGKAT sama dalam rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu ialah dua orang puteri Baginda, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah (tengah); D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir; Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (kanan) dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bergambar bersama Maharaja Hirohito.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir dan Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah ketika berangkat di jamuan 'Friendship Dinner' yang diberikan oleh Menteri-Menteri kabinet Jepun.

SEKITAR LAWATAN RASMI KEBAWA




SEBELUM berangkat meninggalkan Republik Korea, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung memeriksa barisan kehormatan dengan menaiki kenderaan khas dalam satu upacara yang berlangsung di Lapangan Terbang Kimpo (gambar atas).

BERSEMPENA lawatan negara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan telah menganugerahkan Bintang Kebesaran yang paling tinggi di Republik Korea. Penganugerahan Bintang itu juga disaksikan oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengeran Anak Saleha dan Isteri Tuan Yang Terutama Presiden.



RAKYAT Republik Korea berbaris di sepanjang jalan sambil mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan (gambar bawah).



INILAH Tugu Peringatan Kebangsaan Pejuang-Pejuang Republik Korea (atas) di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan meletakkan kalungan bunga sebagai penghormatan pahlawan-pahlawan yang terkorban (gambar kanan).

H D.Y.M.M. KE REPABLIK KOREA



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Lapangan Terbang Kimpo, Republik Korea pada 7 April. Berada di Lapangan Terbang untuk mengalu-alukan keberangkatan rombongan Diraja itu ialah Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan dan Isteri serta anggota kabinet Republik Korea.



SEMASA lawatan tiga hari ke Republik Korea itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal- Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta rombongan juga telah berangkat melawat Unit Tentera Republik Korea (atas).



GAMBAR sebelah kiri atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dipersembahkan sebuah cenderamata kenang-kenangan oleh Pemerintah Unit tersebut sementara gambar kiri pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan menyaksikan sebahagian dari senjata yang digunakan oleh tentera Republik Korea yang dipamerkan khas untuk keberangkatan Baginda ke unit tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan bersalaman menandakan persefahaman dan persahabatan yang baik antara kedua pemimpin tersebut.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 18 APRIL

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.17	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27	SUSUNAN RANCANGAN
4.30	FRAGGLE ROCK
4.55	THE INCREDIBLE HULK
5.20	DIFFERENT STROKES
5.45	JOURNEY INTO THE HIMALAYAS: "Pilgrimage"
6.00	BERITA AWAL
6.05	JOURNEY INTO THE HIMALAYAS — sambungan
6.15	TEKA TEPAT
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	TEKA TEPAT — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	HOTEL: "Blackout"
Victoria Cabot dilawati oleh seorang teman lamanya. Sejangkang bunga dari peminat untuk Christine diikuti dengan satu nota ancaman.	
7.43	AZAN ISYAK
7.50	HOTEL — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	LIPUTAN NASIONAL
9.05	APANYA KATANI
10.05	ROAD TO WEMBLEY: "Nottingham County lwn Everton"
10.55	TAYANGAN GAMBAR: "Something Big"
Seorang penyusun nak menemui berbagai rintangan sebelum mencuba melakukan satu rompakkan berani yang dia percaya akan menjadikannya kaya seumur hidup.	
12.30	SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 19 APRIL

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.17	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27	SUSUNAN RANCANGAN
4.30	SESAME STREET
5.30	TAKE HART: "Paper"
6.00	BERITA AWAL
6.05	SISTEM EJAAN BARU (Ulangan)
6.30	FAST FORWARD
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	FAST FORWARD — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	THE A TEAM: "West Coast Turnaround"
The A Team membantu seorang peladang dan anak perempuannya dari	

7.43	AZAN ISYAK
7.50	THE A TEAM — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	HIDAYAT
9.05	DUNIA MINGGU INI
9.35	HAWAII FIVE-O: "A Long Time Ago"
10.35	PAUL HOGAN SHOW
11.05	POT BLACK 1982: "Charlton lwn Denis Taylor"
11.55	SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 20 APRIL

12.00	PEMBUKAAN
12.02	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12	SUSUNAN RANCANGAN
12.15	SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.
PETANG	
1.25	ROAD TO LOS ANGELES: "Track and Field, Sailing"
2.20	DOK: "The Language of Flowers"
3.05	ROAD RUNNER SHOW
3.30	IN SEARCH OF: "In Search Of The Diamond Curse"
Misteri dan tragedi menimpa tuanpu-nya intan-intan yang ternasyhur seperti "Hope". Apakah yang digelar-kan "sumpahan intan" itu?	
3.41	AZAN ASAR
3.57	THUNDERBIRDS
4.25	YOU ASKED FOR IT
4.50	OMNI, THE NEW FRONTIER
5.15	KONONNYA: "Abu Nawas"
5.35	MORK AND MINDY ANIMATION:
6.00	BERITA AWAL
6.05	BENJI: "Puppy Love"
6.30	TEKA TEPAT — sambungan
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	TEKA TEPAT — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	THE GREATEST AMERICAN HERO: "Thirty seconds Over Little Tokyo"
7.43	AZAN ISYAK
7.50	THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.50	LIPUTAN NASIONAL
9.20	DRAMA: "Serba Salah"
9.50	DALLAS: "Barbecue Four"
Barbecue tahunan di Southfork kali ini membawa beberapa khabar yang memeranjatkan tetamu-tetamunya.	



LAWRENCE Pressman (kanan) dan Natasha Rayn yang menjayakan siri komedi — 'Ladies Man'. Siri ini akan ditayangkan pada hari Ahad 22 April jam 2.45 petang.

10.40	WKRP IN CINCINNATI: "The Painting"
11.10	MAGNUM: "Operation Silent Night"
12.00	GLEN CAMPBELL
12.30	SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 21 APRIL

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.17	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27	SUSUNAN RANCANGAN
4.30	SESAME STREET
5.30	GILLIGAN'S PLANET: "Planet Wings"
6.00	BERITA AWAL
6.05	TOWARDS 2000
6.25	JENNIFER SLEPT HERE: "Take Jennifer, Please"
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	JENNIFER SLEPT HERE — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	T. J. HOOKER: "Thieves Highway"
Usaha Hooker untuk menghentikan pertelingkahan pemandu-pemandu truck menemui kegagalan apabila seorang pesuruhjaya polis wanita yang baru melibatkan dirinya di antara Hooker dengan tugasnya.	
7.43	AZAN ISYAK
7.50	T. J. HOOKER — sambungan
8.35	LIPUTAN NASIONAL
9.05	MARI MEMASAK: "Onor Ayam Berinti"
9.35	TAYANGAN GAMBAR INDONE-SIA: "Bunga Bunga SMA"
11.05	TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Cantain Horatio Hornblower"
12.35	SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 22 APRIL

PETANG	
2.00	PEMBUKAAN
2.02	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	GEORGE OF THE JUNGLE
2.45	LADIES MAN
3.15	BIG LEAGUE SOCCER
3.40	AZAN ASAR
3.46	BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.10	LOVE BOAT
5.10	APANYA KATANI (Ulangan)
6.00	BERITA AWAL
6.05	MONCHIHICHIS
6.25	BENSON: "Teacher's Pest"
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	BENSON — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	MATT HOUSTON: "China Doll"
7.43	AZAN ISYAK
7.50	MATT HOUSTON — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	RANCANGAN KHAS
9.20	FORUM

10.20	TO THE MANOR BORN: Seekor burung tropika bersarang di kawasan kediaman Audrey telah menimbulkan minat beberapa orang naturalis. Audrey tidak berpuas hati sehingga menjadikan perkara itu satu keuntungan komersial.
10.45	THE PARAS: "Platoon"
11.15	ENGLISH DRAMA: "Accident" Bgh. I
12.05	SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 23 APRIL

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.17	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27	SUSUNAN RANCANGAN
4.30	SUPERFRIENDS: "The Mind Maidens"
5.30	THE POSEIDON FILES: "Castaway Coast" Bgh. 2
6.00	BERITA AWAL
6.05	THE POSEIDON FILES — sambungan
6.20	TEKA TEPAT
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	TEKA TEPAT — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	FALCON CREST: "The Last Laugh"
7.43	AZAN ISYAK
7.50	FALCON CREST — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	LIPUTAN NASIONAL
9.05	WRESTLING
9.55	DISCOVER: The World of Science
10.45	REINCARNATION Bgh. 2
11.35	SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 24 APRIL

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.17	AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27	SUSUNAN RANCANGAN
4.30	CANTINFLAS
5.00	BUGS BUNNY SHOW
5.25	CAMP WILDERNESS: "Hobbie Cat"
5.50	WHIZ KIDS: "Watch Out"
6.00	BERITA AWAL
6.05	WHIZ KIDS — sambungan
6.31	AZAN MAGHRIB
6.41	WHIZ KIDS — sambungan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	SCARECROW AND MRS. KING: "Sudden Death"
7.43	AZAN ASYAK
7.50	SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15	WARTA BERITA
8.35	ARENA SUKAN
9.35	DYNASTY: "Seizure"
10.25	TAYANGAN GAMBAR: "Our Family Business"
11.55	PAUL ANKA — Tony Orlando
12.20	SIARAN TAMAT.

RANCANGAN TVP dari 23 — 25 April

ISNIN — 23 APRIL

PAGI	
8.50	SAINS UNTUK DARJAH 4 (Burung)
Dalam rancangan ini murid-murid dibawa mengenal jenis burung. Burung-burung boleh dikenal dengan sifat-sifatnya seperti:	
a. Mempunyai bulu di seluruh badan.	
b. Bertelur	
c. Bernafas dengan paru-paru	
d. Mempunyai paruh	
e. Berdarah panas.	
Burung helang mempunyai paruh yang tajam serta bengkok. Apakah kegunaan paruh yang tajam itu? Untuk mengetahuinya ikutilah nanti di rancangan ini.	
9.20	LOOK, LISTEN AND SPEAK (Days of the week)
Dalam rancangan ini Gani mengajar Jay Jay dan kawan-kawan nama-nama hari dalam satu minggu. Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan yang bermula dengan huruf 'L'. Bila mereka balik dari Magic Pool mereka berjumpa Owl, di sini Owl bercerita berkenaan dengan 'Budak yang Jujur'.	
10.35	SAINS UNTUK DARJAH 5 (Batang)
Batang adalah sambungan dari akar. Batang merupakan saluran atau jalan yang menolok pokok untuk menghantar air dan zat-zat makanan yang hisap oleh akar.	

Batang, tumbuhan ada bermacam-macam jenis. Ada batang tumbuh yang berkayu keras dan ada pula yang lembut. Apakah jenis-jenis batang lain dan apakah sebabnya ia berkead-aran demikian? Jangan ketinggalan mengikuti siri rancangan ini.	
--	--

SELASA — 24 APRIL

PAGI	
8.50	SAINS UNTUK DARJAH 6 (Mesin Mudah I)
Pada minggu ini Cikgu Amdan akan mengajar murid-murid mengenai mesin mudah. Mesin mudah telah dicipta untuk menolong memudahkan kerja-kerja yang sukar dibuat dengan tenaga biasa.	
Apakah jenis-jenis mesin yang telah dicipta oleh orang-orang Purba? Apakah mesin-mesin itu masih digunakan hingga hari ini? Ikutilah rancangan ini untuk mendapat jawapannya.	
9.20	SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Days of the week)
10.35	SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Burung)
RABU — 25 APRIL	
PAGI	
8.50	SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Batang)
9.20	SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Days of the week)
10.35	SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Mesin Mudah I)

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali
Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi

10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU

18 APRIL

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Dari Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Mallik Saifulan siri ke-6), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS

19 APRIL

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Rencana Khas, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus / Asli / Ghazal / Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Nasyid.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT

20 APRIL

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunai-kan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental.

PETANG: 2.00 — Citra Dalam Syair, 2.30 — Puisirama, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU

21 APRIL

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 —

Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari film.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 2.30 — Citrawara (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD

22 APRIL

PAGI: 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Rencana Khas Kemerdekaan, 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Nasyid.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Hiburan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN

23 APRIL

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Citra Dalam Syair (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Nasyid.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Kerongcong, 9.00 — Hiburan Malam, 9.30 — Kutjukan Lagu.

HARI SELASA

24 APRIL

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.
PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Nasyid.
MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classic — 11/12.
9.30 Classic Half Hour — 11/12.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 World Theatre: "Julius Caesar" by William Shakespeare (side 5 and 6 of 7).
9.30 BBC Scottish Radio Orchestra

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Brunei Traditional Music (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 5/6/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 Top Tunes — 14/18.
12.45 My Music — 297/436.

P.M.

1.15 Book Club: Treasure Island by Robert Louis Stevenson — 1/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs 17/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer. "Access to the children" by William Trevor.
2.30 Thirty-Minute Theatre: The Oily Ray by Peter Tong
3.00 Soundtrack of the Sixties (K841 — 52B x 3B).
4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.

8.30 Up the Belait River Without A Paddle the guest: Captain Gary Coward.

9.00 Perspective
9.30 A Date with ... (repeat)

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety.
3.00 Gurkhal Programmes.
8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable and mineral — 15/30.
9.00 Strictly Instrumental.
1.00 Top of The Pops — 1012.

Sunday

A.M.

11.00 A Special Feature: Muslim Youth's Conference For Southeast Asia and The Pacific: Western Culture and Islamic Alternative by Doctor Anis Ahmed.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

A Date with
12.45 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1012. (repeat).
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Brunei Traditional Music.
2.45 A Feature: Synthesizer — The machine and the music (side 1 of 2).
3.15 Just For Variety.

P.M.

8.00 A Special Feature: Muslim Youth's Conference For Southeast Asia and The Pacific (repeat).
8.30 Beautiful Music — 9/60.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Soundtrack of the Sixties — (K841 — 6 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Giving Up" by I.C.W. Brook.
8.45 Neil Richardson Presents — 12/12.
9.30 A Play On Words — 43.

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: "Yazoo" — side 1.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except, Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI GURU UGAMA TERLATIH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai GURU UGAMA TERLATIH di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab:

a) T. 2 \$485-\$1385 sebulan.

ATAU

b) T. 7 \$875-\$1805 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman. Calon-calon yang mempunyai Sijil Am (Peringkat Biasa) dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran akan dipertimbangkan untuk ditempatkan dengan gaji T. 7.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Pemohon-pemohon mestilah lulus Kelas Khas (Tahassus) dari Sekolah Arab Al-Junied Singapura atau lulus Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor atau sebanding dengan salah satu kelulusan tersebut di atas.
- Hendaklah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun berpengalaman juga sebagai Imam di masjid-masjid.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berpengalaman dalam mengajar Al-Quran serta boleh membaca dan

berlagu, boleh membaca berzanji Merhaban serta bertahlil dengan baik.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Pemohonan-pemohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 21 Mei, 1984. (Bil iklan: 60/1984) (E/1759/77).

Di Sekolah-Sekolah Teknikal Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Sekolah-Sekolah Teknikal Kerajaan di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

GURU

- BAHASA INGGERIS
- ILMU HISAB
- FIZIK
- KIMIA DAN KAJI HAYAT

Kelayakan dan Pengalaman:

- Ijazah sebaiknya dalam Bahasa Inggeris, Diploma atau Sijil Perguruan dan mempunyai pengalaman mengajar di sesebuah Sekolah Teknikal atau Vokesyenal.
- Ijazah dalam Ilmu Hisab, Diploma atau Sijil Perguruan dan pengalaman mengajar di sesebuah Sekolah Teknik atau Vokesyenal.
- Ijazah dalam Fizik, Diploma atau Sijil Perguruan dan pengalaman mengajar di sebuah Sekolah Teknik dan Vokesyenal.
- Ijazah bersama dalam Kimia dan Kaji-hayat, Diploma atau Sijil Perguruan dan pengalaman mengajar di sesebuah Sekolah Teknik atau Vokesyenal.

di sesebuah Sekolah Teknik atau Vokesyenal.

Umur

25 hingga 50 tahun.

Tanggungjawab:

Ijazah Biasa dan Sijil Perguruan

T. 8 — B\$1090-\$2255 sebulan.

Ijazah Kepujian dan Sijil Perguruan.

T. 9 — B\$1335-\$2710 sebulan.

PENGAJAR TEKNIK

A. KEJURUTERAAN LETRIK

B. KEJURUTERAAN JENTERA

C. RADIO, TELEVISYEN ELEKTRONIK

D. URUSAN HOTEL DAN PERMAKANAN

E. UKUR TANAH

F. PENGAJIAN KOMPUTER

G. KEJURUTERAAN KAPAL TERBANG

H. AUTOMOTIVE

I. TELEKOM

Kelayakan-kelayakan

- Sijil Juruteknik Letrik City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

b) Sijil Juruteknik Kejuruteraan Jentera City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

c) Sijil Juruteknik Radio, Televisyen dan Elektronik City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

d) Diploma dalam Urusan Hotel dan Perumahan atau kelulusan ikhtisas sebanding yang diakui dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman amali. Calon-calon mestilah mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan pengetahuan yang baik dalam masakan-masakan Melayu dan China serta lain-lain masakan di Rantau Asia Tenggara.

Calon-calon yang berjaya dijangka akan bertugas merancang dan mengendalikan kursus-kursus bagi hotel-hotel dan institusi-institusi kebajikan, mengajar kursus-kursus penuh masa dan separuh masa serta membantu Ketua Bahagian dalam pengendalian kursus-kursus.

e) Diploma dalam Ukur Tanah dan mempunyai pengalaman dalam 'cadastral surveying', 'computing', 'drafting techniques' dan pengalaman mengajar perkara tersebut di Sekolah Teknikal.

f) Diploma dalam Komputer dan pengalaman mengajar pelajaran komputer.

g) Telah menjalani dan menamatkan apprenticeship yang diiktiraf dalam bidang Kejuruteraan Kapal Terbang (Airframes and Engines) dan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam 'fixed wing and rotary wing aircraft' dan pengalaman mengajar.

h) Sijil Juruteknik Automotive City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

Umur: 25 hingga 50 tahun.

Tanggungjawab:

T. 8 — B\$1090-\$2255 sebulan.

PENOLONG PENGAJAR TEKNIK

A. KEJURUTERAAN LETRIK

B. KEJURUTERAAN JENTERA

C. RADIO, TELEVISYEN DAN ELEKTRONIK

D. URUSAN HOTEL DAN PERMAKANAN

E. PERABOT

F. KEJURUTERAAN KAPAL TERBANG

G. AUTOMOTIVE

Kelayakan dan Pengalaman:

- Sijil Juruteknik Letrik City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

b) Sijil Juruteknik Kejuruteraan Jentera City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

c) Sijil Juruteknik Radio, Televisyen dan Elektronik City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

d) Diploma dalam Urusan Hotel dan Perumahan atau kelulusan ikhtisas sebanding yang diiktiraf, pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan masakan-masakan Melayu. Calon-calon yang mempunyai pengalaman-pengalaman amali dan mengajar serta pengetahuan lain-lain masakan di Rantau Asia Tenggara, diberi keutamaan.

e) Sijil City and Guilds Advanced Craft dalam Perabot atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri dalam bidang merekabentuk dan pembuat perabot-perabot moden termasuk perusahaan mengislas kerusi.

f) Mempunyai kelulusan yang diiktiraf dalam bidang Kejuruteraan Kapal Terbang dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar atau industri.

g) Sijil Juruteknik Automotive City and Guilds atau Diploma atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

Umur: 25 hingga 50 tahun.

Tanggungjawab:

T. 7 — B\$875-\$1805 sebulan.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan-pemohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 31 Mei, 1984. (Bil iklan: 68/1984) (E/479/63/15).

Jurutera Telekom, Di Jabatan Telekom Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon berkelayakan yang sesuai untuk mengisi jawatan JURUTERA TELEKOM di Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: B2 EB3 — \$1975-\$3640 sebulan.

Kelayakan-kelayakan Yang Diperlukan

Mestilah Ahli Perbadanan Institusi Jurutera Elektrik atau Institusi Jurutera yang diakui.

Calon-calon yang bukan terdiri dari ahli-ahli Perbadanan Institusi Kejuruteraan yang diakui mestilah mempunyai ijazah kepujian yang baik dalam kejuruteraan Elektrik dan Elektronik daripada Institusi Pendidikan yang diakui.

Selain daripada kelayakan profesional dan akademik, mereka mestilah mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam jawatan bertanggungjawab dalam satu badan pengendalian Telekom dalam salah satu atau lebih perkara berikut:

1) Perancangan Suis

Perancangan menyeluruh dan pemasangan analog SPC dan ibusawat digital serta perancangan dan 'interfacing' ibusawat SPC dengan berbagai ibusawat elektronik berperingkat dan berkawalan-wayar-keras dan pembekalan alat-alat berkaitan seperti pembekalan kuasa dan junjung agihan dan lain-lain.

2) Pemeliharaan Suis

Pemeliharaan dan pengendalian digital SPC dan ibusawat analog, ibusawat elektronik berperingkat dan berkawalan-wayar-keras.

3) Pemeliharaan Radio dan Pemancaran

Pengendalian dan pemeliharaan hubungan gelombang mikro dan multiplexes, rangkaian jauh PCM dan saluran pembawa. Oleh kerana pemeliharaan luar adalah pada dasarnya berasaskan penggantian kad, maka pengetahuan dan pengalaman menyeluruh dan luas mengenai sistem adalah dikehendaki.

4) Workshop Elektronik

Pengurusan dan pengendalian harian workshop elektronik yang bertanggungjawab membaiki berbagai kad dan modul alat hingga ke peringkat komponen. Pengalaman tambahan dalam pengendalian workshop mekanikal dan pertukangan kayu adalah satu kelebihan.

5) Perancangan Kabel/Perkhidmatan Kerja

Perancangan saluran-saluran dan skim kabel (termasuk kabel gantung) dan menyediakan penentuan tawaran dengan memecahkan kerja-kerja kepada unit-unit kerja jabatan yang standard. Pengalaman dalam kedua-dua jenis kabel bertebat plastik dan kertas dengan sambatan modular adalah dikehendaki. Penyediaan penentuan tawaran untuk kabel, saluran dan lain-lain barang yang digunakan dalam loji luar, dan/atau

Mempelawa dan menilai tawaran, menyelia, mengawal dan menjadualkan kerja-kerja kontrak dan menerima ujian kerja. Menilai dan menasihati kontraktor supaya meningkatkan taraf kerja dan kecekapan, dan

Pengalaman mengendalikan dan menghubungkan lain-lain pihak berkuasa perkhidmatan adalah sangat-sangat dikehendaki.

6) Teleks, Facsimile dan Data

Perancangan, kemajuan dan pemeliharaan rangkaian teleks tidak termasuk teleprinter. Perancangan dan pengenalan perkhidmatan data. Penilaian dan pembekalan alat moden dan facsimile.

7) Perancangan Asas

Penyediaan kemajuan telekom dan program pembinaan tahunan serta tinjauan dan penilaiannya.

8) Pemeliharaan Rangkaian

